


( 1 ) PCA/1/6

29 Mei 2017

**YA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan  
Pendaftar/Timbangan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rayuan**



**ARAHAN AMALAN PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN BIL. 2 TAHUN 2017  
KEHADIRAN BANDUAN SEBAGAI SAKSI ATAU PIHAK UNTUK KES-  
KES SIVIL DI MAHKAMAH RAYUAN**

Bagi tujuan keseragaman dan pematuhan kepada prosedur undang-undang di semua peringkat mahkamah, saya dengan ini mengarahkan agar amalan berkenaan kehadiran banduan sebagai saksi atau pihak untuk kes-kes sivil di Mahkamah Rayuan diseragamkan sebagaimana berikut:-

1. Sebelum seseorang banduan dibawa ke Mahkamah bagi menghadiri sebarang perbicaraan sama ada sebagai saksi ataupun pihak, satu permohonan secara *ex parte* hendaklah dibuat melalui Notis Usul yang disokong dengan Afidavit.
2. Setelah perintah dibuat oleh Mahkamah yang membenarkan permohonan dalam Notis Usul berkenaan, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu perintah dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Borang 68 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang dialamatkan kepada Pegawai yang Menjaga menghendaki pengemukaan banduan itu pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam perintah itu.

3. Peruntukan di bawah Aturan 38 Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hendaklah terpakai secara *mutatis mutandis* untuk kes-kes di Mahkamah Rayuan.
4. Bagi seseorang banduan yang tidak diwakili oleh peguam, suatu surat permohonan daripada banduan berkenaan hendaklah dihantar kepada Pendaftar. Pendaftar bolehlah menggunakan budibicaranya sama ada membenar atau menolak permohonan tersebut. Sekiranya dibenarkan, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu perintah dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Borang 68 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang dialamatkan kepada Pegawai yang Menjaga menghendaki pengemukaan banduan itu pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam surat permohonan itu.
5. Arahan Amalan ini hendaklah mula berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017.



**(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)**

Presiden Mahkamah Rayuan

**s.k.**

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA
2. YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
No. 45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**PUTRAJAYA**
3. Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

4. Y.A.A Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik  
93050 Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**
  
5. YB. Peguam Besar Negeri Sabah  
Tingkat 8 & 9, Menara Tun Mustapha  
Teluk Likas  
Beg Berkunci 2054  
88990 Kota Kinabalu  
**SABAH**
  
6. YB. Peguam Besar Negeri Sarawak  
Tingkat 15 & 16, Wisma Bapa Malaysia  
93502 Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**
  
7. Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
  
8. Ketua Pengarah  
Jabatan Penjara Malaysia  
Kompleks Penjara Malaysia  
43000 Kajang  
**SELANGOR**
  
9. Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
  
10. Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**
  
11. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

12. Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik  
93050, Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**

13. Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

14. Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik  
93050 Petrajaya, Kuching  
**SARAWAK**

15. Pengerusi  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 13, 15, 17 Leboh Pasar Besar  
**50050 KUALA LUMPUR**

16. Pengerusi  
Persatuan Undang-Undang Sabah  
Tingkat 2, 58 Jalan Pantai  
Bangunan Persatuan Hainan  
88000 Kota Kinabalu  
**SABAH**

17. Pengerusi  
Persatuan Peguam Sarawak  
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik, Petra Jaya  
93050 Kuching  
**SARAWAK**

18. Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

19. Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

